

D.R. 43/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG
PERLINDUNGAN KANAK-KANAK 1990

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELINDUNG, PENDAFTAR DAN DAFTAR

3. Perlantikan Pelindung.
4. Perlantikan Pendaftar.
5. Daftar.
6. Kandungan Daftar.
7. Akses kepada Daftar.
8. Kesalahan-kesalahan berkenaan dengan Daftar.

BAHAGIAN III

MAJLIS PENYELARAS BAGI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

9. Penubuhan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak.
10. Keanggotaan Majlis.
11. Persidangan dan perjalanan prosiding Majlis.
12. Penubuhan Pasukan-Pasukan Perlindungan Kanak-kanak.

BAHAGIAN IV

JAGAAN SEMENTARA SERTA PEMERIKSAAN DAN
RAWATAN PERUBATAN

13. Pengambilan kanak-kanak ke dalam jagaan sementara.
14. Kanak-kanak yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan.

Fasal

15. Pemeriksaan dan rawatan perubatan.
16. Kebenaran bagi rawatan perubatan.
17. Tiada liabiliti ditanggung kerana memberikan kebenaran.
18. Kawalan ke atas kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital.
19. Kewajipan pengamal perubatan dan kuasa pegawai perubatan.
20. Langkah-langkah yang hendaklah diambil berkenaan dengan kanak-kanak selepas pemeriksaan atau rawatan perubatan.

BAHAGIAN V

PROSEDUR MAHKAMAH

21. Pengemukaan kanak-kanak di hadapan Mahkamah Juvana.
22. Kuasa-kuasa Mahkamah Juvana.
23. Perintah sumbangan.
24. Pembatalan atau perubahan perintah.
25. Kawalan ke atas kanak-kanak yang diletakkan dalam jagaan orang yang layak atau tempat selamat.

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN
KESIHATAN DAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK

26. Penganiayaan, pengabaian, pendedahan atau peninggalan kanak-kanak.
27. Kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis.
28. Kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.

BAHAGIAN VII

PEMBERITAHUAN APABILA MENGAMBIL KANAK-KANAK
KE DALAM PEMELIHARAAN, JAGAAN ATAU KAWALAN

29. Pemakaian dan tafsiran.
30. Pemberitahuan tentang pengambilan ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan.
31. Obligasi-obligasi kemudiannya.
32. Kuasa Pelindung untuk menghendaki kanak-kanak dikemukakan di hadapannya.

PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

BAHAGIAN VIII

PEMERDAGANGAN KANAK-KANAK

Fasal

33. Pemindahan milikan, jagaan atau kawalan kanak-kanak dengan menyalahi undang-undang.
34. Pembawaan masuk kanak-kanak melalui dakwaan palsu.
35. Kuasa untuk memeriksa kanak-kanak dan orang-orang yang menjaganya.
36. Kuasa Pelindung untuk menghendaki jaminan.
37. Pemeriksaan.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

38. Kuasa untuk menggeledah premis.
39. Menghalang Pelindung atau pegawai polis melaksanakan fungsi-fungsinya.
40. Memindahkan atau menolong kanak-kanak lepas lari dari jagaan,
41. Penalti am.
42. Kuasa untuk menangkap tanpa waran.
43. Tempat-tempat selamat.
44. Kuasa Mahkamah untuk menentukan dan mengisytiharkan umur kanak-kanak.
45. Perlindungan bagi pemberi maklumat.
46. Perlindungan bagi Ketua Pengarah, Pelindung-Pelindung dan pegawai-pegawai polis.
47. Perakuan Pendaftar menjadi keterangan.
48. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
49. Pindaan berbangkit dan pemansuhan.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1990. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini, atau peruntukan-peruntukan yang berlainan di dalamnya, di Negeri-Negeri yang berlainan.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Daftar" ertinya Daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah seksyen 5;

"hospital" ertinya mana-mana hospital kerajaan atau mana-mana hospital pengajar sesuatu Universiti;

"kanak-kanak" ertinya seseorang yang di bawah umur Japan belas tahun;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat;

"Majlis" ertinya Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak yang ditubuhkan di bawah seksyen 9;

"Pasukan Perlindungan Kanak-kanak" ertinya suatu pasukan yang ditubuhkan oleh Majlis di bawah seksyen 12;

Akta 344. "pegawai kanan polis" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Polis 1967;

"pegawai kebajikan masyarakat" ertinya mana-mana pegawai kebajikan masyarakat di kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;

"pegawai perubatan" ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar dalam perkhidmatan kerajaan dan termasuk seseorang pengamal perubatan berdaftar di mana-mana hospital pengajar sesuatu Universiti;

"pegawai polis" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Polis 1967;

"Pelindung" ertinya—

- (a) Ketua Pengarah;
- (b) Timbalan Ketua Pengarah;
- (c) seseorang Pengarah Bahagian bagi Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat;
- (d) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap Negeri di Malaysia Barat;

- (e) Pengarah Perkhidmatan Kebajikan, Sabah;
- (f) Ketua Pegawai Kebajikan, Sarawak;
- (g) Pengarah Kebajikan Masyarakat bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pengarah Kebajikan Masyarakat bagi Wilayah Persekutuan Labuan,

dan termasuk mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 3;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 4;

"pengamal perubatan berdaftar" ertinya seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta *Akta 50*. Perubatan 1971;

"penjaga" seseorang kanak-kanak ertinya ibu atau bapa kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang dilantik dengan sah melalui suratikatan atau wasiat atau dengan perintah suatu Mahkamah yang kompeten untuk menjadi penjaga kanak-kanak itu, atau seseorang yang telah mengangkat anak itu dengan sah, dan termasuklah mana-mana orang yang mempunyai jagaan sah ke atas kanak-kanak itu;

"premis" termasuk mana-mana rumah kediaman, bangunan, kedai, bilik, pengangkutan atau mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup;

"tempat selamat" ertinya mana-mana tempat atau institusi yang diisytiharkan sebagai tempat selamat di bawah seksyen 43, atau mana-mana tempat atau rumah lain yang difikirkan sesuai oleh Pelindung, yang penghuninya sanggup buat sementara waktu menerima seseorang kanak-kanak;

"Timbalan Ketua Pengarah" ertinya Timbalan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan jika—

- (a) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal, dcederakan dari segi emosi atau dianiayai dari segi seks oleh penjaganya;
- (b) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan kanak-kanak itu akan dcederakan dari segi fizikal atau dcederakan dari segi emosi atau dianiayai dari segi seks dan penjaganya, yang tahu tentang kecederaan atau penganiayaan atau kemungkinan sedemikian, telah tidak melindungi atau tidak mungkin akan melindungi kanak-kanak itu daripada kecederaan atau penganiayaan sedemikian;
- (c) penjaga kanak-kanak itu tak layak, atau telah abai atau tak upaya, menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat, atau terdedah kepada bahaya moral, atau sudah tidak terkawal lagi;
- (d) penjaga kanak-kanak itu telah abai atau berkeberatan untuk mengadakan pemeliharaan, makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu;
- (e) kanak-kanak itu tidak mempunyai penjaga, atau telah ditinggalkan oleh penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah penjaga itu tidak dijumpai, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;
- (f) kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat bagi maksud memulihkan atau memelihara kesihatannya dan penjaganya telah abai atau enggan mendapatkan kanak-kanak itu diperiksa, disiasat atau dirawat sedemikian;

- (g) kanak-kanak itu berkelakuan dengan cara yang, atau yang mungkin, memudaratkan dirinya atau mana-mana orang lain dan penjaganya tak upaya atau berkeberatan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki keadaan atau langkah-langkah memperbaiki keadaan yang diambil oleh penjaga itu gagal;
- (h) terdapat pertelingkahan yang sedemikian rupa di antara kanak-kanak itu dengan penjaganya, atau di antara penjaga-penjaganya, sehinggakan hubungan kekeluargaan terganggu dengan serius, dan yang demikian itu menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan emosi;
- (i) kanak-kanak itu ialah seorang yang berkenaannya dengan mana-mana kesalahan yang tersebut dalam Bab XVI Kanun Keseksaan atau mana-mana kesalahan daripada jenis yang diperihalkan dalam Bahagian VI telah atau dipercayai telah dilakukan dan penjaganya ialah orang yang melakukan kesalahan sedemikian atau yang dipercayai telah melakukan kesalahan sedemikian atau telah tidak melindunginya atau tidak mungkin akan melindunginya daripada kesalahan sedemikian; *N.M.B,*
Bab 45.
- (j) kanak-kanak itu ialah—
- (i) anggota keluarga yang sama dengan kanak-kanak yang disebutkan dalam perenggan (i); atau
 - (ii) anggota keluarga yang sama dengan orang yang telah disabitkan atas kesalahan yang disebutkan dalam perenggan (i),

dan yang nampaknya dalam bahaya akan dilakukan ke atasnya kesalahan yang serupa dan penjaganya ialah orang yang melakukan atau yang dipercayai telah melakukan

kesalahan sedemikian atau yang telah disabitkan atas kesalahan sedemikian atau penjaganya tak upaya atau berkeberatan melindunginya daripada kesalahan sedemikian;

(k) kanak-kanak itu dijumpai sedang mengemis.

(3) Bagi maksud-maksud Akta ini—

- (a) seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan yang substansial dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat pengenaan kekerasan atau agen yang bukan tak sengaja kepada tubuh kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, laserasi, kontusi, lelasan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seliuh, pendarahan, pecan viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi;
- (b) seseorang kanak-kanak dcederakan dari segi emosi jika ada gangguan yang substansial atau boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, kecelaruan mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, langsgangan atau perkembangan lambat;
- (c) seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang bersifat seks bagi maksud-maksud apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang bersifat pornografi, lucah atau sumbang atau bagi maksud eksploitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

BAHAGIAN II

PELINDUNG, PENDAFTAR DAN DAFTAR

3. Menteri boleh melantik, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, mana-mana pegawai dalam perkhidmatan awam untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang Pelindung di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

Perlantikan
Pelindung.

4. Menteri boleh melantik seorang pegawai kebajikan masyarakat untuk menjadi Pendaftar Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan.

Perlantikan
Pendaftar.

5. Pendaftar hendaklah menyebabkan disimpan dan disenggarakan, dalam bentuk yang difikirkannya sesuai, suatu daftar yang hendaklah dikenali sebagai Daftar Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan.

Daftar.

6. Daftar hendaklah mengandungi butir-butir tentang tiap-tiap kes atau kes disyaki kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan apa-apa perkara lain, yang berhubungan dengan kes atau kes disyaki itu, yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah.

Kandungan
Daftar.

7. (1) Butir-butir yang dimasukkan dalam Daftar hendaklah diberikan kepada mana-mana Mahkamah jika ada di hadapan Mahkamah itu apa-apa prosiding berkenaan dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, apabila diminta oleh Mahkamah itu, dan kepada—

Akses
kepada
Daftar.

- (a) Ketua Pengarah;
- (b) seseorang Pelindung;
- (c) mana-mana pegawai polis; dan
- (d) mana-mana anggota Pasukan Perlindungan Kanak-kanak,

apabila mana-mana orang itu memerlukan butir-butir sedemikian bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau bagi maksud pengambilan tindakan

berkenaan dengan, atau pemberian bantuan kepada, kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

(2) Butir-butir yang terkandung dalam Daftar boleh diberikan kepada—

- (a) orang-orang yang terlibat dalam penyelidikan *bonafide* dan yang akses mereka kepada Daftar dibenarkan oleh Ketua Pengarah bagi maksud itu; atau
- (b) orang-orang atau golongan-golongan orang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah mendapat akses kepada Daftar atas alasan-alasan bahawa akses mereka kepada Daftar akan mempertingkatkan perlindungan kanak-kanak.

(3) Butir-butir yang diberikan di bawah seksyen ini tidak boleh termasuk apa-apa maklumat yang mendedahkan atau mungkin membawa kepada pendedahan identiti mana-mana orang yang telah membuat pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan.

Kesalahan-kesalahan berkenaan dengan Daftar.

8. Mana-mana orang yang memberi mana-mana orang lain apa-apa butir yang terkandung dalam Daftar selain daripada menurut seksyen 7 adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

MAJLIS PENYELARAS BAGI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Penubuhan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak.

9. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Majlis yang hendaklah dikenali sebagai Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak.

(2) Majlis hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi menasihati Menteri tentang segala aspek perlindungan kanak-kanak;

- (b) merekabentuk suatu sistem pengurusan yang cekap dan berkesan di seluruh negara yang menggabungkan saluran-saluran maklumat bagi melaporkan kes-kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;
- (c) mengesyorkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditujukan khusus untuk memenuhi keperluan-keperluan orang-orang, kanak-kanak dan keluarga-keluarga yang memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan perlindungan kanak-kanak;
- (d) menyelaraskan pelbagai sumber jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dengan perlindungan kanak-kanak;
- (e) membangunkan program-program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak;
- (f) menyelia pengurusan, operasi dan amalan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara;
- (g) menyelaraskan dan memberikan nasihat tentang pembangunan program-program latihan bagi anggota-anggota Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara;
- (h) menyelesaikan apa-apa pertelingkahan yang mungkin berbangkit dalam Pasukan Perlindungan Kanak-kanak; dan
- (i) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

10. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut: Keanggotaan
Majlis.

- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Timbalan Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;

- (c) dua orang wakil daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat;
- (d) dua orang wakil daripada Kementerian Kesihatan;
- (e) seorang wakil daripada Kementerian Pendidikan;
- (f) seorang wakil daripada Kementerian Sumber Manusia;
- (g) seorang wakil daripada Kementerian Penerangan;
- (h) seorang wakil Peguam Negara;
- (i) seorang wakil Ketua Polis Negara;
- (j) seorang wakil kementerian, di Negeri Sabah, yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;
- (k) seorang wakil kementerian, di Negeri Sarawak, yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan;
- (l) tidak lebih daripada lima orang lain, yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak, yang akan dilantik oleh Menteri; dan
- (m) Pendaftar yang hendaklah menjadi Setiausaha.

(2) Setiap anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (1) (l) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu, memegang jawatan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

(3) Perlantikan tiap-tiap anggota Majlis di bawah perenggan (1) (l) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Persidangan
dan per-
jalanan
prosiding
Majlis.

11. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam satu tahun pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi atau, jika dia tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau, jika kedua-duanya tidak hadir, mana-mana anggota yang dilantik untuk mempengerusikan mesyuarat, dan enam orang anggota lain hendaklah membentuk kuorum di sesuatu mesyuarat Majlis.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau, jika dia tidak hadir, oleh Timbalan Pengerusi atau, jika kedua-duanya tidak hadir, oleh seorang anggota yang dilantik oleh anggota-anggota yang hadir daripada kalangan mereka sendiri.

(4) Jika, mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan, terdapat undi yang sama banyak, maka Pengerusi, atau Timbalan Pengerusi jika dia mempengerusikan mesyuarat, hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Tertakluk kepada Akta ini, Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan prosedurnya sendiri.

(6) Majlis boleh melantik apa-apa jawatankuasa daripada anggota-anggotanya dengan atau tanpa orang-orang lain sebagaimana yang ditentukannya dan setiap jawatankuasa hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

12. (1) Majlis hendaklah menubuhkan, di seluruh negara, kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan hendaklah dikenali sebagai "Pasukan Perlindungan Kanak-kanak", bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak adalah atau disyaki memerlukan perlindungan.

Penubuhan
Pasukan-
Pasukan
Perlindungan
Kanak-kanak.

(2) Setiap Pasukan Perlindungan Kanak-kanak hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

(a) seorang pengerusi, yang hendaklah—

(i) dalam hal sesuatu Negeri di Malaysia Barat, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri atau Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah;

- (ii) dalam hal Sabah, Pengarah Perkhidmatan Kebajikan atau Pegawai Kebajikan Daerah;
- (iii) dalam hal Sarawak, Ketua Pegawai Kebajikan atau Pegawai Kebajikan Bahagian; atau
- (iv) dalam hal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan, Pengarah Kebajikan Masyarakat;

(b) seorang pegawai perubatan; dan

(c) seorang pegawai kanan polis.

(3) Setiap Pasukan Perlindungan Kanak-kanak hendaklah mempunyai kuasa untuk membawa turut serta dari semasa ke semasa mana-mana orang lain yang semunasabahnya diperlukan olehnya untuk membolehkannya melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya dengan mencukupi atau sebagaimana yang diperlukan oleh hal keadaan setiap kes, termasuk mana-mana orang yang berkelayakan untuk memberikan nasihat tentang faktor-faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama yang relevan.

BAHAGIAN IV

JAGAAN SEMENTARA SERTA PEMERIKSAAN DAN RAWATAN PERUBATAN

Pengambilan
kanak-kanak
ke dalam
jagaan
sementara.

13. (1) Mana-mana Pelindung atau pegawai polis yang berpuas hati atas alasan-alasan yang munasabah bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan boleh mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara, melainkan jika Pelindung atau pegawai polis itu berpuas hati bahawa pengambilan prosiding berhubungan dengan kanak-kanak itu adalah tak wajar bagi kepentingan kanak-kanak itu atau bahawa prosiding akan diambil oleh orang lain.

(2) Tertakluk kepada seksyen 14, tiap-tiap kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah

subseksyen (1) hendaklah diletakkan di tempat selamat sehingga dia boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana.

(3) Jika seseorang kanak-kanak diletakkan di suatu tempat selamat di bawah subseksyen (2), orang yang bertanggungjawab bagi tempat selamat itu hendaklah mempunyai kawalan ke atas kanak-kanak itu sama seperti ibu atau bapa kanak-kanak itu dan hendaklah bertanggungjawab bagi penyenggaraan kanak-kanak itu, dan kanak-kanak itu hendaklah terus berada dalam pemeliharaan orang itu walaupun kanak-kanak itu dituntut oleh penjaganya atau mana-mana orang lain.

(4) Mana-mana orang yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah seksyen ini hendaklah dengan serta-merta apabila dibuat pengambilan sedemikian—

- (a) menyebabkan penjaga kanak-kanak itu diberitahu tentang pengambilan itu; dan
- (b) jika orang itu ialah seorang pegawai polis, memberitahu Pelindung tentang pengambilan itu.

14. (1) Jika Pelindung atau pegawai polis yang mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 13 (1) berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, Pelindung atau pegawai polis itu boleh tidak membawa kanak-kanak itu ke tempat selamat tetapi sebaliknya mengemukakan kanak-kanak itu ke hadapan pegawai perubatan.

Kanak-kanak yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan.

(2) Jika pada masa dia diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13 (1) seseorang kanak-kanak ialah seorang pesakit di sesuatu hospital, Pelindung atau pegawai polis yang mengambilnya ke dalam jagaan bolehlah meninggalkan kanak-kanak itu di hospital itu.

(3) Jika seseorang Pelindung atau pegawai polis tidak mengambil seseorang kanak-kanak ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13 (1) tetapi dia berpuas hati atas alasan-alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, dia boleh mengarahkan secara bertulis orang yang didapatinya sedang memelihara kanak-kanak itu membawa kanak-kanak itu kepada pegawai perubatan dengan serta-merta.

(4) Jika orang yang disebutkan dalam subseksyen (3) tidak patuh, dalam masa empat puluh lapan jam, dengan arahan yang diberikan di bawah subseksyen itu, seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara bagi maksud mengemukakan kanak-kanak itu ke hadapan pegawai perubatan.

Pemeriksaan
dan rawatan
perubatan.

15. (1) Seseorang pegawai perubatan yang ke hadapannya seseorang kanak-kanak dikemukakan di bawah subseksyen 14 (1) atau 14 (4)—

- (a) hendaklah menjalankan atau menyebabkan dijalankan pemeriksaan ke atas kanak-kanak itu;
- (b) boleh, pada memeriksa kanak-kanak itu dan jika dibenarkan sedemikian oleh Pelindung atau pegawai polis, melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa prosedur dan ujian yang perlu untuk mendiagnosis keadaan kanak-kanak itu; dan
- (c) boleh memberikan, atau menyebabkan diberikan, apa-apa rawatan yang difikirkannya perlu berikutan dengan keputusan diagnosisnya itu.

(2) Jika pegawai perubatan yang memeriksa seseorang kanak-kanak di bawah subseksyen (1) berpendapat bahawa kanak-kanak itu perlu dimasukkan ke hospital bagi maksud pemeliharaan atau rawatan perubatan kanak-kanak itu maka seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh membenarkan kemasukan kanak-kanak itu ke hospital.

16. (1) Jika, pada pendapat seseorang pegawai perubatan, kanak-kanak yang disebutkan dalam seksyen 15 memerlukan rawatan bagi penyakit, kecederaan atau keadaan yang ringan, seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh membenarkan rawatan sedemikian.

Kebenaran bagi rawatan perubatan.

(2) Jika, pada pendapat seseorang pegawai perubatan, kanak-kanak yang disebutkan dalam seksyen 15 mengalami penyakit, kecederaan atau keadaan yang serius atau memerlukan pembedahan atau rawatan psikiatri, seorang Pelindung atau pegawai polis hendaklah dengan segera memberitahu atau cuba memberitahu dan berunding dengan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mengizinkan rawatan sedemikian dan boleh dengan keizinan bertulis penjaga atau orang itu membenarkan rawatan perubatan, pembedahan atau psikiatri yang difikirkan perlu oleh seorang pegawai perubatan.

(3) Jika keizinan yang disebutkan dalam subseksyen (2) tidak dapat diperolehi atau jika terdapat risiko hampir kepada kesihatan kanak-kanak itu, seorang Pelindung boleh membenarkan apa-apa rawatan yang difikirkan perlu oleh seorang pegawai perubatan.

17. (1) Jika seseorang kanak-kanak diperiksa atau dirawat menurut seksyen 15 atau 16, Pelindung atau pegawai polis yang membenarkan pemeriksaan atau rawatan itu, pegawai perubatan yang memeriksa atau merawat kanak-kanak itu, dan semua orang yang bertindak membantu pegawai perubatan itu, tidaklah menanggung apa-apa liabiliti di sisi undang-undang hanya oleh sebab seseorang kanak-kanak telah diperiksa atau dirawat menurut seksyen itu.

Tiada liabiliti ditanggung kerana memberikan kebenaran.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam subseksyen (1) mengecualikan seseorang pegawai perubatan daripada liabiliti berkenaan dengan pemeriksaan atau rawatan seseorang kanak-kanak jika liabiliti itu ialah liabiliti yang kepadanya dia akan terdedah sekiranya pemeriksaan atau rawatan itu telah

dijalankan atau diberikan dengan keizinan penjaga kanak-kanak itu atau orang yang mempunyai kuasa untuk mengizinkan pemeriksaan atau rawatan itu.

Kawalan ke atas kanak-kanak yang dimasukkan ke hospital.

18. Jika seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 13 (1) atau subseksyen 14 (4) dimasukkan ke hospital, maka Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan ke atas, dan bertanggungjawab bagi penyenggaraan, kanak-kanak itu sama seperti yang dipunyai oleh orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat selamat sekiranya kanak-kanak itu telah diletakkan di tempat selamat itu.

Kewajipan pengamal perubatan dan kuasa pegawai perubatan.

19. (1) Jika seseorang pengamal perubatan berdaftar, termasuk pegawai perubatan, percaya atas alasan-alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak yang sedang diperiksanya atau dirawatnya ialah kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu mana-mana Pelindung.

(2) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(3) Jika pengamal perubatan berdaftar yang disebutkan dalam subseksyen (1) ialah seorang pegawai perubatan, dia boleh mengambil kanak-kanak yang disebutkan dalam subseksyen itu ke dalam jagaan sementara sehingga masa jagaan sementara itu diambil-alih oleh seorang Pelindung atau pegawai polis.

Langkah-langkah yang hendaklah diambil berkenaan dengan kanak-kanak selepas pemeriksaan atau rawatan perubatan.

20. (1) Seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13 (1) dan yang kemudiannya menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan hendaklah, apabila pemeriksaan atau rawatan itu selesai, atau jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, apabila dia dibenarkan keluar dari hospital, diletakkan di tempat selamat sehingga masa dia boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana.

(2) Seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 14 (4) dan yang kemudiannya menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan hendaklah, apabila pemeriksaan atau rawatan itu selesai, atau jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, apabila dia dibenarkan keluar dari hospital, dikembalikan kepada orang yang daripada pemeliharaannya kanak-kanak itu diambil.

BAHAGIAN V

PROSEDUR MAHKAMAH

21. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiap-tiap kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13 (1) hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam dari masa dia diambil ke dalam jagaan sedemikian, dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana.

pengemukaan
kanak-kanak
di hadapan
Mahkamah
Juvana.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13 (1) dan yang diperiksa atau dirawat dari segi perubatan di bawah Bahagian IV hendaklah dikemukakan ke hadapan Mahkamah Juvana dalam masa dua puluh empat jam dari masa pemeriksaan atau rawatan itu selesai atau, jika kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital, dari masa dia dibenarkan keluar dari hospital.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), jika tidak mungkin seseorang kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan di bawah subseksyen 13 (1) dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen (1) atau (2), kanak-kanak itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret yang boleh mengarahkan supaya dia diletakkan di tempat selamat atau, walau apa pun subseksyen 13 (2), diletakkan dalam pemeliharaan seorang yang layak sehingga masa dia boleh dikemukakan ke hadapan Mahkamah Juvana.

Kuasa-kuasa
Mahkamah
Juvana,

22. (1) Jika Mahkamah Juvana berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 21 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, Mahkamah Juvana itu boleh—

- (a) memerintahkan penjaganya mengikat bon untuk menjalankan pemeliharaan dan penjagaan yang sepatutnya selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah Juvana itu, tetapi tempoh itu tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan seorang yang layak selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah Juvana itu tetapi tempoh itu tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun;
- (c) tanpa membuat apa-apa perintah lain atau sebagai tambahan kepada suatu perintah di bawah perenggan (a) atau (b), membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di bawah pengawasan seorang Pelindung, atau seseorang orang lain yang dilantik bagi maksud itu oleh Mahkamah Juvana itu, selama suatu tempoh yang dinyatakan oleh Mahkamah Juvana itu, tetapi tempoh itu tidak boleh melampaui tarikh kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun;
- (d) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat selama tempoh tiga tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih lama; atau
- (e) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan seorang ibu atau bapa pemeliharaan yang didapati sesuai oleh Ketua Pengarah, dan sehingga masa itu meletakkan kanak-kanak itu di tempat selamat.

(2) Mahkamah Juvana boleh, semasa membuat apa-apa perintah di bawah subseksyen (1), mengenakan apa-apa syarat atau memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya patut bagi maksud memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat, dan tiap-tiap orang yang ke atasnya syarat-syarat itu dikenakan atau yang kepadanya arahan-arahan itu diberikan hendaklah mematuhi syarat-syarat atau arahan-arahan itu.

(3) Tiada perintah di bawah subseksyen (1) boleh dibuat tanpa memberi penjaga kanak-kanak itu peluang untuk hadir dan didengar.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh dibuat jika penjaga kanak-kanak itu, setelah dikehendaki hadir, telah gagal berbuat demikian atau tidak dapat ditemui dalam masa yang munasabah.

(5) Sebelum membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen (1), Mahkamah Juvana hendaklah berusaha mendapatkan maklumat tentang latar belakang keluarga kanak-kanak itu, kelakuannya pada amnya, suasana di rumahnya, rekod sekolahnya dan riwayat perubatannya yang dapat membolehkan Mahkamah Juvana itu menguruskan kes itu untuk kebaikan kanak-kanak itu dan boleh, bagi maksud mendapatkan maklumat itu atau bagi apa-apa pemeriksaan atau pemerhatian perubatan khas, dari semasa ke semasa menanggungkan kes itu selama tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi dua bulan pada satu-satu masa dan boleh membuat, berkenaan dengan kanak-kanak itu, sebagai suatu perintah sementara yang mempunyai kuatkuasa hanya semasa tempoh penangguhan itu, apa-apa perintah yang boleh dibuatnya di bawah subseksyen (1).

(6) Pada menentukan apakah perintah yang hendak dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah Juvana hendaklah memberikan pertimbangan utama kepada kebajikan kanak-kanak itu.

(7) Jika Mahkamah Juvana tidak berpuas hati bahawa kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 21 memerlukan perlindungan, Mahkamah Juvana itu boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan kepada pemeliharaan dan jagaan penjaganya.

Perintah
sumbangan.

23. (1) Jika suatu perintah dibuat di bawah seksyen 22 meletakkan seseorang kanak-kanak di suatu tempat selamat atau dalam jagaan seorang yang layak, Mahkamah Juvana yang membuat perintah itu boleh, pada masa yang sama atau kemudiannya, membuat suatu perintah sumbangan yang menghendaki penjaga kanak-kanak itu membuat apa-apa sumbangan bulanan yang difikirkan patut oleh Mahkamah Juvana, setelah mengambil kira kemampuan penjaga itu, dan hendaklah menjadi kewajipan penjaga itu untuk mematuhi perintah itu.

(2) Semua jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu perintah sumbangan hendaklah dibayar kepada mana-mana Mahkamah sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah Juvana yang membuat perintah itu dan Mahkamah Juvana yang membuat mana-mana perintah sedemikian boleh dari semasa ke semasa, apabila dibuktikan apa-apa perubahan dalam hal keadaan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau kerana sebab lain yang baik yang ditunjukkan sehingga Mahkamah Juvana itu berpuas hati, menghapuskan, membuat baharu, atau mengubah perintah itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Tiada perintah sumbangan boleh dibuat tanpa memberi penjaga kanak-kanak itu peluang untuk didengar, tetapi perintah sumbangan boleh dibuat terhadap penjaga yang, setelah dikehendaki hadir, telah gagal berbuat demikian.

(4) Suatu perintah sumbangan hendaklah terus berkuatkuasa selagi perintah yang meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat atau dalam jagaan seorang yang layak terus berkuatkuasa.

(5) Jika mana-mana orang sengaja abai mematuhi suatu perintah sumbangan, seseorang Majistret boleh, bagi tiap-tiap pelanggaran perintah itu, melalui waran mengarahkan supaya amaun yang kena dibayar itu dilevi mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi melewi denda yang dikenakan oleh Majistret-Majistret, atau boleh menghukum supaya orang itu dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan bagi setiap bulan sumbangan yang masih tak dibayar.

24. Mahkamah Juvana boleh, atas permohonan Pelindung atau orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat selamat atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 22, membatalkan atau mengubah perintah itu apabila dibuktikan bahawa hal keadaan yang di dalamnya perintah itu dibuat telah berubah selepas pembuatan perintah itu.

Pembatalan atau perubahan perintah.

25. Jika suatu perintah dibuat di bawah seksyen 22 meletakkan seseorang kanak-kanak di suatu tempat selamat atau dalam jagaan seorang yang layak atau dalam jagaan seorang ibu atau bapa peliharaan, maka orang yang bertanggungjawab bagi tempat selamat itu, orang yang layak itu atau ibu atau bapa peliharaan itu hendaklah mempunyai kawalan ke atas kanak-kanak itu sama seperti ibu atau bapa kanak-kanak itu dan hendaklah bertanggungjawab bagi penyenggaraan kanak-kanak itu, dan kanak-kanak itu hendaklah terus berada dalam pemeliharaan orang itu walaupun kanak-kanak itu dituntut oleh penjaganya atau mana-mana orang lain.

Kawalan ke atas kanak-kanak yang diletakkan dalam jagaan orang yang layak atau tempat selamat

BAHAGIAN VI

KESALAHAN-KESALAHAN BERHUBUNGAN DENGAN KESIHATAN DAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK

26. (1) Mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang menganiayai, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya menanggung penderitaan tak perlu atau yang mungkin akan

Penganiayaan, pengabaian, pendedahan atau peninggalan kanak-kanak.

mencederakan kesehatan fizikal atau mentalnya, atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai, diabaikan, ditinggalkan atau didedahkan sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan seseorang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen itu mengikat bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah, untuk berkelakuan baik selama suatu tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah, dan boleh memasukkan dalam bon itu suatu syarat yang menghendaki orang itu menjalani apa-apa kaunseling dan psikoterapi sebagaimana yang dinyatakan di dalam bon itu.

(3) Jika seseorang yang diperintahkan mengikat bon untuk berkelakuan baik di bawah subseksyen (2) gagal mematuhi mana-mana syarat bon itu dia boleh—

- (a) jika bon itu ialah sebagai ganti penalti di bawah subseksyen (1), dikenakan penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen itu; atau
- (b) jika bon itu ialah sebagai tambahan kepada penalti di bawah subseksyen (1), didenda selanjutnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selanjutnya selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Ibu atau bapa atau orang lain yang bertanggung di sisi undang-undang untuk menyenggara seseorang kanak-kanak adalah disifatkan telah mengabaikannya dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya menanggung penderitaan tak perlu atau yang mungkin

akan mencederakan kesihatan fizikal atau mentalnya jika, sungguhpun dia berupaya mengadakan makanan, pakaian, rawatan perubatan atau pergigian, tempat penginapan atau pemeliharaan yang mencukupi bagi kanak-kanak itu daripada sumber-sumbernya sendiri, dia gagal berbuat demikian.

(5) Seseorang boleh disabitkan atas kesalahan terhadap seksyen ini walaupun—

- (a) penderitaan atau kecederaan kepada kesihatan kanak-kanak yang berkenaan atau kemungkinan penderitaan atau kecederaan kepada kesihatan kanak-kanak yang berkenaan telah dielakkan melalui tindakan orang lain; atau
- (b) kanak-kanak yang berkenaan telah mati.

27. Mana-mana orang yang menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana kanak-kanak, atau, sebagai seorang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, membenarkan kanak-kanak itu, berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud-maksud mengemis adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kanak-kanak tidak boleh digunakan untuk mengemis.

28. Mana-mana orang, yang merupakan penjaga atau orang yang pada masa itu mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak, yang membiarkan kanak-kanak itu tinggal tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan dan pemeliharaan yang berpatutan bagi kanak-kanak itu selama tempoh yang tak berpatutan atau dalam keadaan yang tak berpatutan memandangkan semua hal keadaan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan kerana membiarkan kanak-kanak tinggal tanpa pengawasan yang berpatutan.

BAHAGIAN VII

PEMBERITAHUAN APABILA MENGAMBIL KANAK-KANAK KE DALAM PEMELIHARAAN, JAGAAN ATAU KAWALAN

Pemakaian
dan
tafsiran.

29. (1) Bahagian ini tidaklah terpakai bagi—

- (a) pengambilan kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan datuk atau neneknya, adik atau abang atau kakaknya yang seibu sebapa atau yang seibu atau sebapa, atau adik atau abang atau kakak ibu atau bapanya yang seibu sebapa atau yang seibu atau sebapa;
- (b) pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaganya;
- (c) pengambilan seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan mana-mana orang menurut suatu perintah Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atau menurut suatu perintah di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973;
- (d) pengambilan seseorang kanak-kanak sebagai penghuni suatu tempat selamat atau rumah anak yatim, hospital, rumah atau institusi yang disenggarakan oleh Kerajaan Malaysia atau oleh mana-mana Kerajaan Negeri atau yang diluluskan oleh Menteri;
- (e) pengambilan seseorang kanak-kanak untuk tinggal di sekolah yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendidikan;
- (f) pengambilan seseorang kanak-kanak yang lazim menghadiri sesuatu sekolah yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendidikan ke dalam jagaan kawan atau saudara penjaganya dengan keizinan penjaganya.

Akta 106

(2) Dalam Bahagian ini, "penjaga" seorang kanak-kanak ertinya ibu atau bapa kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang dilantik dengan sah melalui suratikatan atau wasiat atau dengan perintah suatu Mahkamah yang kompeten untuk menjadi penjaga kanak-kanak itu, atau seseorang yang telah mengangkat kanak-kanak itu dengan sah.

30. (1) Jika seseorang mengambil seorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya—

Pemberitahuan tentang pengambilan ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan.

(a) orang itu; dan

(b) orang yang dalam pemeliharaannya kanak-kanak itu berada pada masa pengambilan itu,

hendaklah, tidak lewat daripada satu minggu selepas itu, memberitahu Pelindung tentang pengambilan itu.

(2) Apabila diterimanya apa-apa pemberitahuan di bawah seksyen ini, Pelindung boleh membuat apa-apa siasatan yang difikirkannya patut tentang sebab-sebab bagi pengambilan itu dan tentang kesesuaian, bagi maksud itu, orang yang telah mengambil kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya dan jika, selepas siasatan sedemikian, difikirkan suaimanfaat oleh Pelindung itu bagi kepentingan kanak-kanak itu, dia boleh sama ada—

(a) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan kepada pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaganya atau orang yang dalam pemeliharaannya kanak-kanak itu berada semasa dia diambil; atau

(b) membenarkan pengambilan kanak-kanak itu.

(3) Seseorang Pelindung, apabila menerima tiap-tiap pemberitahuan di bawah seksyen ini, hendaklah merekodkan butir-butirnya dalam daftar yang hendaklah disimpan bagi maksud itu.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Obligasi-
obligasi
kemudiannya.

31. (1) Jika pengambilan seseorang kanak-kanak telah diberitahukan kepada dan dibenarkan oleh Pelindung di bawah seksyen 30, orang yang telah mengambil kanak-kanak itu hendaklah, jika pada bila-bila masa kemudiannya—

- (a) dia bercadang untuk memulangkan kanak-kanak itu kepada pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil; atau
- (b) tanpa pengetahuan atau keizinannya, kanak-kanak itu telah meninggalkan pemeliharaan, jagaan atau kawalannya.

melaporkannya sendiri kepada seorang Pelindung dan hendaklah, bilamana praktik, membawa atau menyebabkan dibawa ke hadapan Pelindung itu kanak-kanak itu dan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu telah diambil.

(2) Apabila diterimanya suatu laporan di bawah subseksyen (1), Pelindung hendaklah membuat suatu catatan mengenainya dan hendaklah—

- (a) jika kanak-kanak itu dan penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil hadir pada masa laporan itu diterima, mengembalikan kanak-kanak itu kepada penjaga itu atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) jika penjaga kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang daripadanya kanak-kanak itu diambil tidak hadir semasa laporan itu diterima—

(i) mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara sehingga dia dapat dikembalikan kepada penjaganya atau orang itu; dan

(ii) dengan serta-merta menghantar maklumat bertulis ke tempat tinggal penjaganya atau orang itu yang akhir diketahui.

(3) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

32. (1) Bilamana seseorang Pelindung mempunyai sebab untuk percaya bahawa terdapat, di dalam kawasan atau Negeri yang di dalamnya dia menjalankan bidang kuasa, seorang kanak-kanak yang berkenaan dengan pengambilannya tiada pemberitahuan telah dibuat dalam masa satu minggu selepas pengambilan itu, dia boleh, melalui saman di bawah tandatangannya yang dialamatkan kepada orang yang mempunyai atau dipercayai mempunyai pemeliharaan, jagaan atau kawalan kanak-kanak itu, menghendaki orang itu hadir dan mengemukakan kanak-kanak itu di hadapannya pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu.

Kuasa Pelindung untuk menghendaki kanak-kanak dikemukakan di hadapannya.

(2) Jika seseorang yang kepadanya saman telah disampaikan di bawah subseksyen (1) gagal mengemukakan kanak-kanak itu pada masa dan di tempat yang dinyatakan di dalamnya, Pelindung boleh mengeluarkan waran memberikuasa mana-mana orang yang dinamakan di dalamnya untuk mencari kanak-kanak itu dan mengemukakannya di hadapan Pelindung itu.

(3) Mana-mana kanak-kanak yang dinamakan atau diperihalkan dalam waran sedemikian boleh dipindahkan

ke suatu tempat selamat dan ditahan buat sementara waktu di sana sehingga Pelindung telah menyelesaikan siasatannya di bawah Bahagian ini atau boleh, selama tempoh yang sama, diletakkan buat sementara waktu dalam jagaan saudaranya atau orang lain yang layak atas terma-terma dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Pelindung.

(4) Pelindung boleh membuat apa-apa siasatan yang difikirkannya patut tentang hal-hal keadaan dan sebab-sebab bagi pengambilan kanak-kanak yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan tentang kesesuaian orang yang telah mengambil kanak-kanak itu ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya.

(5) Jika, selepas siasatan yang tersebut dalam subseksyen (1), difikirkan suaimanfaat oleh Pelindung bagi kepentingan kanak-kanak itu, dia boleh sama ada—

- (a) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan kepada pemeliharaan, jagaan atau kawalan penjaganya atau mana-mana orang lain yang daripadanya dia diambil; atau
- (b) membenarkan pengambilan kanak-kanak itu atas terma-terma dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Pelindung.

(6) Jika pengambilan seseorang kanak-kanak oleh mana-mana orang telah dibenarkan di bawah perenggan (5) (b) tertakluk kepada apa-apa terma atau syarat dan keingkaran dibuat pada mematuhi terma atau syarat itu, Pelindung boleh, melalui waran di bawah tandatangannya, memerintahkan supaya kanak-kanak itu diambil daripada pemeliharaan, jagaan atau kawalan orang itu dan diletakkan di tempat selamat atau dalam jagaan saudaranya atau orang lain yang layak atas terma-terma dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Pelindung sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun atau apa-apa tempoh yang lebih pendek.

BAHAGIAN VIII

PEMERDAGANGAN KANAK-KANAK

33. (1) Tiap-tiap orang yang mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa transaksi yang tujuannya atau salah satu daripada tujuannya ialah untuk memindahkan atau memberikan, keseluruhannya atau sebahagiannya, secara sementara atau tetap, milikan, jagaan atau kawalan seorang kanak-kanak bagi apa-apa balasan berharga adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pemindahan milikan, jagaan atau kawalan kanak-kanak dengan menyalahi undang-undang.

(2) Tiap-tiap orang yang tanpa kebenaran atau alasan yang sah menyorokkan atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya mana-mana kanak-kanak yang mengenainya milikan, jagaan atau kawalan sementara atau tetap telah dipindahkan atau diberikan bagi balasan berharga oleh mana-mana orang lain di dalam atau di luar Malaysia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (2), jika mana-mana orang menyorokkan atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya mana-mana kanak-kanak tanpa kebenaran atau alasan yang sah, maka kanak-kanak itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, dianggapkan seorang kanak-kanak yang berkenaan dengannya milikan, jagaan atau kawalan sementara atau tetap telah dipindahkan atau diberikan bagi balasan berharga.

(4) Maka adalah menjadi suatu pembelaan dalam mana-mana pendakwa di bawah seksyen ini jika dibuktikan bahawa pemindahan berlaku dengan tujuan atau menurut suatu perkahwinan atau pengangkatan *bona fide* dan bahawa sekurang-kurangnya ibu atau bapa sebenar kanak-kanak itu atau penjaga kanak-kanak itu ialah suatu pihak yang mengizinkan perkahwinan itu atau yang mengizinkan pengangkatan itu oleh pihak

pengangkat itu, dan telah dengan nyata mengizinkan perkahwinan atau pengangkatan yang berkenaan itu.

Pembawaan masuk kanak-kanak melalui dakwaan palsu.

34. Mana-mana orang yang melalui atau di bawah apa-apa dakwaan atau kenyataan palsu, atau cara fraud atau perdayaan, yang dibuat atau digunakan sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membawa atau membantu dalam membawa mana-mana kanak-kanak ke dalam Malaysia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk memeriksa kanak-kanak dan orang-orang yang menjaganya.

35. Seseorang Pelindung atau mana-mana orang yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pelindung boleh menghendaki mana-mana kanak-kanak yang telah masuk atau dibawa ke dalam Malaysia dan mana-mana orang yang didapati mempunyai jagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak itu hadir di hadapan Pelindung pada bila-bila masa yang munasabah dan di mana-mana tempat yang sesuai, dan Pelindung boleh memeriksa kanak-kanak itu tentang sebab-sebab dia masuk atau berada di Malaysia dan boleh memeriksa orang itu berkenaan dengan kanak-kanak itu, dan orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan itu dengan benar sedaya upayanya.

Kuasa Pelindung untuk meng-hendaki jaminan.

36. Jika seseorang Pelindung mempunyai sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana kanak-kanak—

- (a) telah dibawa ke dalam Malaysia sama ada selepas dipindahkan bagi balasan berharga, atau melalui fraud, salah nyataan atau apa-apa dakwaan palsu;
- (b) telah dipindahkan kepada jagaan atau kawalan mana-mana orang bagi balasan berharga sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau

- (c) sedang ditahan bertentangan dengan kemahuannya oleh seseorang selain daripada ibu atau bapa atau penjaganya,

dia boleh sama ada—

- (aa) menghendaki mana-mana orang yang di dalam jagaan atau di bawah kawalannya kanak-kanak itu didapati berada memberinya salinan-salinan fotograf kanak-kanak itu dan orang itu sendiri, dan memberikan jaminan sehingga Pelindung berpuas hati bahawa kanak-kanak itu tidak akan meninggalkan kawasan atau Negeri tempat dia berada pada masa itu tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan secara bertulis daripada Pelindung, dan tidak akan dipindahkan kepada pemeliharaan atau jagaan mana-mana orang lain tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan secara bertulis daripada Pelindung, dan bahawa dia akan dikemukakan ke hadapan Pelindung bilamana jua dikehendaki olehnya; atau
- (bb) dari mula lagi, atau jika berlaku keingkaran dalam mematuhi apa-apa perintah yang dibuat di bawah perenggan (aa), membuat suatu perintah supaya kanak-kanak itu diambil keluar daripada jagaan orang yang di dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya kanak-kanak itu berada dan diletakkan di suatu tempat selamat atau, atas apa-apa jaminan dan apa-apa syarat yang dikehendaki oleh Pelindung, dalam jagaan seorang saudara atau orang lain yang layak sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun atau selama apa-apa tempoh yang lebih pendek.

37. (1) Seseorang Pelindung, atau mana-mana pegawai Pemeriksaan. kebajikan masyarakat yang pada amnya atau khasnya diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pelindung, boleh pada bila-bila masa melawat dan memeriksa tempat mana-mana kanak-kanak yang berkenaan dengannya jaminan telah diberikan di bawah seksyen 36 tinggal atau dipercayai tinggal atau berada.

(2) Pelindung, atau mana-mana pegawai yang diberikuasa di bawah subseksyen (1), boleh menyiasat keadaan dan hal keadaan kanak-kanak yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan, bagi maksud-maksud siasatan itu, Pelindung atau pegawai sedemikian boleh menghendaki mana-mana orang menjawab apa-apa soalan yang difikirkannya patut ditanyakan dan orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan itu dengan benar sedaya upayanya.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Kuasa
untuk
mengeledah
premis.

38. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana Pelindung atau pegawai polis boleh masuk dan mengeledah mana-mana premis bagi maksud menentukan sama ada terdapat di situ mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan atau sama ada apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sedang, atau telah, dilakukan.

(2) Seseorang Pelindung atau pegawai polis tidak boleh masuk ke mana-mana premis dengan menggunakan kekerasan melainkan jika dia telah terlebih dahulu memperolehi waran yang dikeluarkan oleh seorang Majistret.

(3) Seseorang Majistret boleh mengeluarkan waran kepada seseorang Pelindung atau pegawai polis untuk masuk dengan menggunakan kekerasan jika perlu ke mana-mana premis bagi maksud-maksud yang tersebut di dalam subseksyen (1) jika Majistret itu berpuas hati berdasarkan maklumat bersumpah bahawa terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi mengesyaki bahawa—

- (a) ada di premis itu seorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan; atau
- (b) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sedang, atau telah, dilakukan,

dan bahawa premis itu hanya dapat dimasuki dengan menggunakan kekerasan.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), jika seseorang Pelindung atau pegawai polis mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa tujuan penggeledahan yang tersebut dalam subseksyen (1) mungkin akan terkecewa oleh sebab kelengahan dalam memperolehi waran di bawah subseksyen (2) dan (3), dia boleh, tanpa waran, masuk dengan menggunakan apa-apa kekerasan yang perlu ke mana-mana premis yang tersebut dalam subseksyen (1).

(5) Mana-mana orang yang masuk ke mana-mana premis di bawah seksyen ini hendaklah—

(a) jika dikehendaki sedemikian, menunjukkan keterangan tentang identitinya; dan

(b) jika waran telah dikeluarkan di bawah subseksyen (3)—

(i) menunjukkan waran itu atau salinan waran itu; dan

(ii) menggunakan hanya apa-apa kekerasan yang munasabahnya perlu untuk masuk.

(6) Seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh, semasa atau selepas apa-apa penggeledahan yang disebutkan dalam subseksyen (1), menangkap atau menyebabkan ditangkap mana-mana orang yang munasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan terhadap Akta ini, dan boleh menyita dan menahan apa-apa artikel, buku, dokumen atau akaun yang dia mempunyai sebab untuk percaya ada hubungan dengan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.

(7) Dalam menjalankan apa-apa penggeledahan di bawah seksyen ini seseorang Pelindung atau pegawai polis mempunyai kuasa untuk mengemukakan soalan-soalan dan untuk memberikan apa-apa perintah atau

arahan yang perlu kepada penghuni-penghuni mana-mana premis bagi maksud menjalankan pengegedahan itu.

(8) Penghuni-penghuni mana-mana premis yang sedang digeledah di bawah seksyen ini hendaklah menjawab dengan benar segala soalan yang dikemukakan kepada mereka oleh Pelindung atau pegawai polis, dan hendaklah mematuhi apa-apa perintah atau arahan yang diberikan olehnya yang menyentuh apa-apa perkara atau mana-mana orang yang ada kaitan dengan pengegedahan itu.

(9) Tiada seorang pun boleh, dengan kekerasan, sekatan, ugutan, dorongan atau cara-cara lain menyebabkan mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan menyembunyikan dirinya di dalam atau meninggalkan mana-mana premis yang sedang digeledah atau baru hendak digeledah oleh seseorang Pelindung atau pegawai polis di bawah seksyen ini dengan niat supaya pengegedahan oleh Pelindung atau pegawai polis itu akan dengan itu terelak atau terhalang.

Menghalang
Pelindung
atau pegawai
polis me-
laksanakan
fungsi-
fungsinya.

39. Mana-mana orang yang—

- (a) menyerang, menghalang, menggendalakan atau melengah-lengahkan mana-mana Pelindung atau pegawai polis masuk sedangkan dia berhak masuk di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) enggan menjawab, sepanjang yang dia tahu dan percaya, apa-apa soalan yang dia terikat di sisi undang-undang untuk menjawabnya dan yang ditanyakan kepadanya oleh mana-mana Pelindung atau pegawai polis atau mana-mana orang lain yang diberikuasa di bawah Akta ini;
- (c) melanggar atau gagal mematuhi apa-apa perintah, arahan, saman atau waran yang

PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

dikeluarkan dengan sah atau apa-apa syarat yang dikenakan dengan sah oleh mana-mana Pelindung, pegawai polis atau Mahkamah di bawah Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

40. (1) Jika seseorang kanak-kanak diletakkan di suatu tempat selamat atau dalam jagaan mana-mana orang di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang—

Memindahkan atau menolong kanak-kanak lepas lari daripada jagaan

- (a) memindahkan kanak-kanak itu dari tempat selamat atau daripada jagaan itu tanpa kebenaran yang sah;
- (b) dengan disadari membantu atau mendorong, secara langsung atau secara tak langsung, seseorang kanak-kanak lepas lari dari tempat selamat atau daripada jagaan itu; atau
- (c) dengan disedarinya menyorokkan, menyembunyikan, atau menghalang daripada kembali ke tempat selamat atau kepada jagaan itu, seseorang kanak-kanak yang sudah lepas lari sedemikian kembali ke tempat selamat atau jagaan itu, atau dengan disedarinya membantu perbuatan sedemikian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana kanak-kanak yang diletakkan di sesuatu tempat selamat atau dalam jagaan mana-mana orang di bawah Akta ini dipindahkan, tanpa kebenaran yang sah, atau lepas lari, dari tempat selamat atau daripada jagaan itu, kanak-kanak itu boleh diambil semula oleh mana-mana Pelindung atau pegawai polis dan dikembalikan ke tempat selamat atau daripada jagaan itu.

- Penalti am. **41.** Mana-mana orang yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada hukuman diperuntukkan dengan nyata boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- Kuasa untuk menangkap tanpa waran. **42.** (1) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan atau sedang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.
- (2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah, selepas tangkapan itu, diperlakukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Prosedur Jenayah.
- N.M.S.*
Bab 6.
- Tempat-tempat selamat. **43.** (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana tempat atau institusi sebagai suatu tempat selamat bagi maksud-maksud Akta ini.
- (2) Menteri boleh pada bila-bila masa mengarahkan penutupan mana-mana tempat selamat yang diwujudkan di bawah Akta ini.
- (3) Ketua Pengarah boleh memerintahkan pemindahan kanak-kanak dari satu tempat selamat ke satu tempat selamat yang lain jika dan apabila perlu.
- Kuasa Mahkamah untuk menentukan dan mengisytiharkan umur kanak-kanak. **44.** Jika dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini seseorang dikatakan seorang kanak-kanak, Mahkamah, selepas membuat apa-apa siasatan yang difikirkannya patut tentang umur orang itu, boleh menentukan dan mengisytiharkan umurnya, dan bagi maksud-maksud Akta ini umur yang diisytiharkan sedemikian oleh Mahkamah hendaklah disifatkan sebagai umur sebenar orang itu, melainkan jika dan sehingga dibuktikan sebaliknya.

45. (1) Tiada seorang pun yang membuat apa-apa pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan boleh menanggung apa-apa liabiliti kerana fitnah atau selainnya berkenaan dengan pembuatan pemberitahuan itu.

Perlindungan bagi pemberi maklumat.

(2) Pembuatan apa-apa pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan tidak boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah atau dari apa-apa segi lain, dikira menjadi pelanggaran etiket atau etika profesional atau bercanggahan dengan standard-standard tingkah laku profesional yang diterima.

(3) Mana-mana orang yang nadir sebagai saksi dalam mana-mana prosiding di mana-mana Mahkamah atau tribunal atau di hadapan seseorang yang diberikuasa oleh undang-undang untuk mendengar keterangan—

- (a) tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan dan tidak boleh mendedahkan identiti, atau apa-apa maklumat yang mungkin membawa kepada pendedahan identiti, mana-mana orang yang telah membuat pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan; dan
- (b) tidak boleh dipaksa untuk mengemukakan, dan tidak boleh mengemukakan, apa-apa laporan atau dokumen yang mengenalpasti, atau yang mungkin mengenalpasti, mana-mana orang yang telah membuat pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai jika sesuatu pemberitahuan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan dikemukakan sebagai keterangan, atau keterangan berkenaan dengan pemberitahuan sedemikian diberikan, oleh orang yang membuat pemberitahuan itu.

Perlindungan bagi Ketua Pengarah, Pelindung-Pelindung dan pegawai-pegawai polis.

46. Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana Mahkamah terhadap Ketua Pengarah atau mana-mana Pelindung atau pegawai kebajikan masyarakat atau pegawai polis berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam pelaksanaan atau apa yang berupa sebagai pelaksanaan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini.

Perakuan Pendaftar menjadi keterangan.

47. Sesuatu perakuan yang berupa sebagai di bawah tandatangan Pendaftar tentang apa-apa catatan dalam Daftar, atau tentang apa-apa perkara atau benda, yang dia diberikuasa melakukannya atau membuatnya oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa catatan itu telah dilakukan atau dibuat, dan tentang kandungan catatan itu, dan bahawa perkara atau benda itu telah dilakukan atau dibuat.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

48. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang didapatinya perlu atau suaimanfaat bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan-peruntukan yang terdahulu, peraturan-peraturan sedemikian boleh—

(a) membuat peruntukan bagi pemeliharaan, penyenggaraan dan pendidikan kanak-kanak—

(i) yang diletakkan dalam jagaan atau di bawah pemeliharaan atau kawalan; atau

(ii) yang diambil ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan,

mana-mana orang di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, dan kewajipan-kewajipan orang sedemikian;

(b) membuat peruntukan bagi kawalan, pemeliharaan, penahanan, ketakhadiran sementara, penyenggaraan dan pendidikan kanak-kanak di tempat-tempat selamat;

- (c) mengawalselia pengurusan, lawatan dan pemeriksaan tempat-tempat selamat;
- (d) menghendaki orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat selamat mengemukakan, kepada Ketua Pengarah, penyata-penyata, laporan-laporan dan maklumat berkenaan dengan kanak-kanak yang diletakkan di situ;
- (e) mengawalselia prosedur penerimaan masuk ke atau pelepasan dari sesuatu tempat selamat;
- (f) menetapkan butir-butir, fotograf-fotograf atau cara-cara pengenalan yang lain, yang hendaklah diberikan berhubungan dengan seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;
- (g) menetapkan bentuk bagi perintah-perintah, waran-waran, saman-saman dan bon-bon;
- (h) menetapkan rekod-rekod yang dikehendaki disimpan berkenaan dengan seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan cara rekod-rekod itu hendaklah disimpan;
- (i) menghendaki pemberian maklumat tentang pertukaran-pertukaran alamat tiap-tiap kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan orang-orang yang mempunyai jagaan kanak-kanak itu, dan pemindahan rekod-rekod dan daftar-daftar dalam kes-kes sedemikian;
- (j) mengawalselia prosedur-prosedur dan amalan Pasukan-Pasukan Perlindungan Kanak-kanak;
- (k) menjadikan pelanggaran atau kegagalan mematuhi mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini suatu kesalahan dan boleh menetapkan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun bagi kesalahan sedemikian.

Pindaan ber-
bangkit dan
pemansuhan.
Akta 90.

49. (1) Akta Mahkamah Juvana 1947 adalah dipinda—

(a) dengan memotong seksyen 35 dan 36;

(b) dalam seksyen 37A—

(i) dengan memotong perkataan-perkataan "36 atau" yang terdapat selepas perkataan-perkataan "membuat suatu perintah di bawah seksyen";

(ii) dengan menggantikan perkataan-perkataan "tertakluk kepada seksyen 36 dan 37, mengikut mana yang berkenaan" dengan perkataan-perkataan "tertakluk kepada seksyen 37".

Akta 232.

(2) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 adalah dimansuhkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan dan menyatakan takrif istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

Istilah "kanak-kanak" ditakrifkan, dalam *fasal 2*, dengan erti seorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun. *Subfasal 2 (2)* menyatakan hal-hal keadaan yang mesti wujud berhubungan dengan seseorang kanak-kanak sebelum kanak-kanak itu boleh digolongkan sebagai "kanak-kanak yang memerlukan perlindungan".

3. Bahagian II memperkatakan perlantikan Pelindung-Pelindung dan Pendaftar Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan serta juga penyimpanan dan penyenggaraan Daftar Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan.

Fasal 3 memberi Menteri kuasa untuk melantik Pelindung-Pelindung.

Fasal 4 memberi Menteri kuasa untuk melantik Pendaftar Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan yang, di bawah peruntukan-peruntukan *fasal 5*, mempunyai kewajipan untuk menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan. Daftar ini hendaklah mengandungi butir-butir tentang tiap-tiap kes dan kes disyaki kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Di bawah *fasal 7* butir-butir dalam Daftar boleh diberikan hanya kepada Mahkamah dan kepada orang-orang tertentu bagi maksud-maksud tertentu sahaja. *Fasal 8* menjadikannya suatu kesalahan jika butir-butir itu diberikan kepada orang-orang lain.

4. Bahagian III mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak dan Pasukan-pasukan Perlindungan Kanak-kanak.

Fasal 9,10 dan *11* masing-masingnya memperkatakan penubuhan Majlis, keanggotaan Majlis dan persidangan dan perjalanan prosiding Majlis.

Fasal 12 bertujuan menghendaki Majlis menubuhkan Pasukan-Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak adalah atau disyaki memerlukan perlindungan.

5. Bahagian IV memperkatakan jagaan sementara kanak-kanak yang memerlukan perlindungan serta pemeriksaan dan rawatan perubatan kanak-kanak itu.

Fasal 13 memberi Pelindung atau pegawai polis kuasa untuk mengambil ke dalam jagaan mana-mana kanak-kanak yang dipercayainya memerlukan perlindungan. Kanak-kanak sedemikian mestilah diletakkan di tempat selamat sehingga dia boleh dibawa ke hadapan Mahkamah Juvana.

Fasal 14 memberi Pelindung atau pegawai polis kuasa untuk mengemukakan seseorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan ke hadapan pegawai perubatan jika Pelindung atau pegawai polis itu berpendapat bahawa kanak-kanak itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan.

Fasal 15 memperkatakan pemeriksaan dan rawatan perubatan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan yang dibawa ke hadapan pegawai perubatan di bawah *fasal 14*.

Fasal 16 membolehkan seseorang Pelindung atau pegawai polis membenarkan rawatan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Jika seseorang kanak-kanak menderita sakit yang serius

atau memerlukan pembedahan atau rawatan psikiatri, seorang Pelindung atau pegawai polis mestilah berusaha untuk memberitahu dan berunding dengan penjaga kanak-kanak itu dan kebenaran boleh diberikan dengan keizinan penjaga itu. Bagaimanapun, jika keizinan itu tidak dapat diperolehi atau jika terdapat risiko hampir kepada kesihatan kanak-kanak itu, Pelindung boleh membenarkan apa-apa rawatan yang difikirkan perlu oleh pegawai perubatan.

Fasal 17 bertujuan menjadikan Pelindung atau pegawai polis yang membenarkan pemeriksaan atau rawatan perubatan seseorang kanak-kanak di bawah fasal 15 atau 16 atau pegawai perubatan yang memeriksa atau merawat kanak-kanak itu tidak bertanggungjawab di sisi undang-undang hanya oleh sebab kanak-kanak itu diperiksa atau dirawat di bawah fasal itu.

Fasal 18 bertujuan memberi Ketua Pengarah kawalan ke atas semua kanak-kanak yang memerlukan perlindungan yang dimasukkan ke hospital dan mengenakan kewajipan ke atasnya untuk menyenggarakan kanak-kanak itu sepanjang masa mereka di hospital.

Fasal 19 bertujuan menghendaki tiap-tiap pengamal perubatan memberitahu Pelindung jika dia percaya atas alasan-alasan munasabah bahawa kanak-kanak yang sedang dirawatnya ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Kegagalan berbuat demikian ialah suatu kesalahan. Ia juga bertujuan memberi pengamal perubatan itu, jika dia pegawai perubatan, kuasa untuk mengambil kanak-kanak itu ke dalam jagaan sementara sehingga masa kanak-kanak itu boleh diserahkan kepada Pelindung.

Fasal 20 membuat peruntukan supaya langkah-langkah tertentu diambil berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, jika mereka diambil ke dalam jagaan sementara dan kemudiannya menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan, apabila pemeriksaan atau rawatan perubatan itu selesai.

6. Bahagian V memperkatakan prosedur mahkamah.

Fasal 21 bertujuan menghendaki supaya tiap-tiap kanak-kanak yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah *fasal 13* dikemukakan ke hadapan Mahkamah Juvana.

Fasal 22 bertujuan memberi Mahkamah Juvana kuasa, jika ia berpuas hati bahawa kanak-kanak itu ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, membuat mana-mana perintah yang disenaraikan dalam fasal itu. Bagaimanapun, jika ia tidak dapat memutuskan sama ada apa-apa perintah patut dibuat atau perintah apakah yang patut dibuat, ia boleh membuat suatu perintah sementara meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat. Perintah sedemikian tidak boleh melebihi dua bulan pada satu-satu

masa. Dalam memutuskan perintah apakah yang hendak dibuat, Mahkamah Juvana itu dikehendaki memberikan pertimbangan utama kepada kebajikan kanak-kanak itu.

Fasal 23 bertujuan memberi Mahkamah kuasa untuk membuat perintah yang menghendaki ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu membuat apa-apa sumbangan bulanan yang difikirkan patut oleh Mahkamah itu, setelah mempertimbangkan kemampuan ibu atau bapa atau penjaga itu.

Fasal 24 bertujuan membolehkan Mahkamah mengubah atau membatalkan apa-apa perintah yang dibuat olehnya berkenaan dengan seseorang kanak-kanak jika suatu permohonan dibuat oleh Pelindung atau orang yang menjaga suatu tempat selamat atau ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu dan jika ia berpuas hati bahawa hal keadaan yang di bawahnya perintah itu dibuat telah berubah.

Fasal 25 memperkatakan kuasa-kuasa, hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab seseorang yang dalam jagaannya seseorang kanak-kanak telah diletakkan oleh Mahkamah Juvana.

7. Bahagian VI memperkatakan kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak.

Fasal 26 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika seseorang yang memelihara seseorang kanak-kanak menganiayai, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mentalnya.

Fasal 27 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika mana-mana orang yang memelihara seseorang kanak-kanak menyebabkan kanak-kanak itu mengemis di mana-mana jalan, premis atau tempat.

Fasal 28 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika ibu atau bapa atau penjaga, atau seseorang yang memelihara, seseorang kanak-kanak meninggalkannya tanpa mengadakan persediaan yang berpatutan bagi pengawasan dan pemeliharaannya.

8. Bahagian VII bertujuan membuat peruntukan-peruntukan bagi pemberian pemberitahuan kepada seorang Pelindung jika seseorang kanak-kanak diambil ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalan seseorang selain daripada, antara lain, ibu atau bapa, penjaga atau keluarga terdekatnya.

Di bawah *fasal 30* Pelindung boleh, selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu dan jika difikirkannya suaimanfaat demi kepentingan kanak-kanak itu, memerintahkan supaya kanak-kanak itu dipulangkan kepada jagaan ibu atau bapa atau penjaganya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Fasal 31 bertujuan menghendaki seseorang yang telah mengambil seorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya membuat laporan kepada seorang Pelindung jika dia bercadang untuk memulangkan kanak-kanak itu kepada ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu atau jika kanak-kanak itu, tanpa pengetahuan atau keizinannya, telah meninggalkan pemeliharaan, jagaan atau kawalannya.

Fasal 32 bertujuan memberi seseorang Pelindung kuasa, jika dia percaya bahawa mana-mana orang telah mengambil mana-mana kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya tetapi tidak, dalam masa satu minggu selepas pengambilan itu, membuat apa-apa pemberitahuan kepada seorang Pelindung, menghendaki orang itu hadir di hadapannya dan mengemukakan kanak-kanak itu.

9. Bahagian VIII memperkatakan kesalahan memperdagangkan kanak-kanak.

Fasal 33 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika mana-mana orang mengambil bahagian dalam apa-apa transaksi yang tujuannya, atau salah satu daripadanya, ialah untuk memindahkan atau memberikan milikan, jagaan atau kawalan seorang kanak-kanak bagi apa-apa balasan berharga.

Fasal 34 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika mana-mana orang membawa atau membantu dalam membawa seseorang kanak-kanak ke dalam Malaysia di bawah dakwaan atau nyataan palsu atau melalui apa-apa cara fraud atau perdayaan.

Penalti yang dicadangkan bagi kesalahan-kesalahan yang disebutkan di atas ialah denda yang tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan pemenjaraan yang tempohnya boleh sampai lima tahun atau kedua-duanya.

10. Bahagian IX memperkatakan perkara-perkara pelbagai.

Fasal 38 memberi Pelindung kuasa untuk masuk dan menggeledah mana-mana premis bagi maksud menentukan sama ada di premis itu ada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan atau sama ada apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini sedang atau telah dilakukan.

Fasal 39 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika mana-mana orang menghalang seseorang Pelindung atau pegawai polis dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan kepadanya, enggan menjawab, sepanjang pengetahuan atau kepercayaannya, apa-apa soalan yang dia terikat di sisi undang-undang untuk menjawabnya, atau gagal mematuhi apa-apa perintah, arahan, saman atau waran yang dikeluarkan dengan sah oleh seorang Pelindung, pegawai polis atau Mahkamah.

Fasal 40 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan jika mana-mana orang memindahkan, atau membantu mana-mana kanak-kanak lepas lari, daripada jagaan yang sah. Ia juga bertujuan memberi Pelindung atau pegawai polis kuasa untuk mengambil semula kanak-kanak itu dan mengembalikannya ke dalam jagaan sah itu.

Fasal 41 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penalti am, sementara *fasal 42* memberi mana-mana pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia semunasabahnya percaya telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta yang dicadangkan ini.

Fasal 43 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana tempat atau institusi sebagai suatu tempat selamat.

Fasal 44 bertujuan membenarkan Mahkamah, selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya patut, mengisytiharkan umur seseorang yang dikatakan ialah seorang kanak-kanak.

Fasal 45 bertujuan memastikan bahawa identiti pemberi-pemberi maklumat tidak didedahkan dalam mana-mana prosiding di mana-mana Mahkamah atau tribunal atau di hadapan mana-mana orang yang diberikuasa oleh undang-undang untuk mendengar keterangan.

Fasal 46 mengandungi peruntukan-peruntukan tanggung rugi bagi Ketua Pengarah dan mana-mana Pelindung, pegawai kebajikan masyarakat dan pegawai polis.

Fasal 48 bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 49 bertujuan memansuhkan seksyen 35 dan 36 Akta Mahkamah Juvana 1947 dan keseluruhan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 memandangkan bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam seksyen-seksyen dan Akta yang hendak dimansuhkan itu telah, dengan beberapa ubahsuaian, dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1387.]